



## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS PENUTUP PROGRAM SE UNTUK ANDA (SE4U)

KUALA LUMPUR, 24 April 2022 – Program SE untuk anda (SE4U) telah melabuhkan tirainya pada hari ini setelah diadakan selama tiga hari bermula pada 22 April yang lalu. Majlis penutup bagi program ini telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad, mewakili Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Tan Sri Noh bin Haji Omar.

Sepanjang tiga hari penganjuran Program SE4U yang diadakan di Lalaport, Bukit Bintang Kuala Lumpur, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan dengan kerjasama di antara agensi-agensi di bawah Kementerian, rakan strategik dan usahawan sosial sedia ada. Acara kemuncak Program SE4U adalah pelancaran dokumen Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial (SEMy2030) yang telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 April 2022.

Pengisian program-program SE4U yang melibatkan khidmat nasihat dan fasilitasi keusahawanan, *gallery walk* SEMy2030, kursus dan seminar asas keusahawanan sosial, *pocket talk*, *SE Hunt*, *pecha kucha*, *Fundamental Family Hour* dan *Pitch Ring* telah berjaya meningkatkan kesedaran dan pemahaman pelbagai lapisan masyarakat termasuk bakal usahawan sosial mengenai lanskap keusahawanan sosial di Malaysia.

Majlis ini turut meraikan 80 penerima manfaat perusahaan sosial merangkumi orang kelainan upaya, ibu tunggal dan golongan B40 di mana setiap mereka menerima sumbangan raya bernilai RM200 seorang.

Semasa majlis penutup tersebut juga, Suriani telah menyerahkan Sijil Perusahaan Sosial Asas kepada 11 perusahaan sosial dan sijil tamat Kursus Asas Keusahawanan Sosial kepada 150 pelajar daripada lapan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Penganjuran SE4U ini merupakan titik permulaan kepada lebih banyak lagi pelaksanaan program dan inisiatif keusahawanan sosial di masa akan datang selaras dengan aspirasi SEMy2030 untuk mengarus perdana perusahaan sosial dan menormalisasi impak sosial di Malaysia.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**24 April 2022**